

03 APR 1997

Mahathir-Kecemasan

POLIS DAN PETUGAS PENYELAMAT MAIN PERANAN UTAMA

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata polis, bomba dan anggota penyelamat lain digalak memainkan peranan sebagai petugas bertindak pertama memandangkan mereka kebiasaannya yang pertama tiba di sesuatu tempat kemalangan.

Bagi menjalankan peranan itu, Perdana Menteri berkata mereka akan dilatih untuk menjalankan kerja-kerja penilaian awal dan prosedur sokongan hayat semasa sesuatu nahas.

"Konsep petugas bertindak pertama telah diperkenalkan di Malaysia dengan orang perseorangan yang tidak mempunyai latihan khusus dalam menyediakan pengurusan kecemasan tetapi kerana tugas yang pertama tiba di tempat kejadian.

"Contohnya, polis akan dilatih mengenai kemahiran sokongan hayat untuk menyelamatkan mangsa dan memulakan prosedur sokongan hayat bersama-sama pengurusan aspek lain sesuatu kemalangan," katanya ketika merasmikan Kongres Antarabangsa Pertama Asia mengenai Perubatan Kecemasan di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata konsep ini diakui antarabangsa sebagai bahagian penting yang efisien dalam keseluruhan sistem perubatan kecemasan.

Selain melatih anggota polis, bomba dan penyelamat lain menjalankan tugas bertindak pertama, Perdana Menteri berkata Malaysia juga perlu menubuhkan sistem perhubungan menyeluruh yang bersambung dengan dunia luar, sebagai sebahagian daripada sistem perubatan kecemasan.

Katanya sistem itu, yang perlu diwujudkan secepat mungkin, akan membolehkan orang ramai menerima perkhidmatan penjagaan kesihatan bagi mendapatkan bantuan perubatan.

"Malaysia kini merancang untuk mewujudkan rangkaian perhubungan kecemasan yang meliputi keupayaan tele-perubatan dan tele-kecemasan," katanya.

Katanya penilaian menyeluruh mengenai keadaan seseorang pesakit antara hospital kini dapat dilakukan berikutan kemajuan pesat dalam teknologi pandang dengar.

"Keadaan ini ideal dengan perkembangan semasa memandangkan kita tidak mempunyai khidmat pakar di setiap pelusuk negara dan oleh itu, tele-perubatan akan memberi laluan kepada setiap orang untuk menerima perundingan pakar," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan bertindak segera, cepat dan cekap terutama dalam bidang perkhidmatan perubatan kecemasan dan penjagaan kecederaan semasa Malaysia bergerak ke arah perindustrian penuh.

Katanya profil wabak penyakit negara ini kini menyerupai negara perindustrian dengan penyakit jantung, barah dan kecederaan sebagai pembunuh-pembunuh utama.

"Lagipun kecederaan akibat nahas jalan raya dan perindustrian kini meningkat. Jumlah itu menyamai, jikapun tidak mengatasi, negara-negara barat berikutan kadar pembangunan yang pesat di Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata jumlah tinggi kematian akibat nahas di Malaysia dijangka meningkat kepada 31.2 peratus bagi setiap 100,000 penduduk.

Katanya ia selaras dengan peningkatan kenderaan berdaftar dengan 58 peratus daripadanya motosikal.

Dr Mahathir berkata peningkatan kematian begitu nyata semasa pergerakan ramai penduduk secara serentak seperti pada musim perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Raya Aidilfitri.

Katanya semasa percutian 18 hari sepanjang perayaan berkembar itu, 614 orang terbunuh, 565 cedera parah dan 892 cedera ringan.

"Dalam erti ekonomi, ia mencerminkan kerugian besar kepada negara. Sebahagian besar mangsa berada dalam kumpulan umur 20-40 tahun," katanya.

Dengan demikian, katanya tindakan segera diperlukan mengawal kecederaan dan pencegahan selain dalam memajukan sistem perkhidmatan perubatan kecemasan dan penjagaan kecederaan.

"Pencegahan harus diberi keutamaan dengan kerjasama antara sektor dan antara kementerian menjadi keperluan penting dalam mengurangkan kematian," katanya.

-- BERNAMA

AH AHH